

25 NOV 1996

PM-Apec

PM SIFATKAN SIDANG KEMUNCAK APEC BERJAYA

TELUK SUBIC, 25 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini sebagai berjaya.

Bercakap di satu sidang akhbar di sini selepas mengadakan pertemuan dengan 17 pemimpin APEC, beliau berkata beliau tidak dapat menggambarkan sama ada kejayaan itu "sederhana, keterlaluan atau sebagainya" tetapi para pemimpin berkenaan telah dapat membincangkan isu-isu yang mempunyai kepentingan kepada negara anggota Apec.

Dr Mahathir menambah kata "kita tiada masalah untuk mengadakan sesuatu yang dapat diterima oleh semua pihak. Dalam hal ini, ia adalah satu kejayaan".

"Sekurang-kurang kita tidak mengakhiri sidang kemuncak ini dengan perasaan kecewa atau marah antara satu sama lain".

Mesyuarat itu yang juga dipanggil Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Ekonomi Apec, diadakan selepas beberapa hari perbincangan antara pegawai-pegawai kanan dan menteri-menteri dari negara-negara berkenaan.

Dr Mahathir berkata Malaysia berpuas hati dengan versi semakan semula Pelan Tindakan Apec Manila (Mapa) yang memasukkan satu perenggan menggesa supaya satu perjanjian teknologi maklumat (ITA) ditandatangani oleh persidangan peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura bulan depan.

Perenggan itu menyebut bahawa memandangkan pentingnya teknologi maklumat pada abad ke-21, para pemimpin Apec menggesa ITA diwujudkan di mesyuarat WTO yang akan membawa kepada pemansuhan tarif menjelang tahun 2000 tetapi dengan perakuan mengenai perlunya fleksibiliti pada masa perbincangan di Geneva berlangsung.

Dr Mahathir berkata oleh kerana fasal itu tidak bersifat terikat, ia bergantung kepada keupayaan negara-negara berkenaan untuk membuka pasaran mereka.

Sebelum ini terdapat kebimbangan bahawa Malaysia telah mengambil sikap bertolak ansur dengan isu itu selepas dikeluarkan deklarasasi Mapa hari ini memandangkan kelantangannya terhadap paksaan untuk mendapat konsensus.

ITA yang dicadangkan Amerika Syarikat itu menggariskan tarif sifar bagi semua produk dan perkhidmatan IT menjelang tahun 2000.

Bagaimanapun, Perdana Menteri memberi penjelasan dengan berkata bahawa susunan kata dalam perisytiharan itu membawa maksud fleksibiliti di mana sekiranya Malaysia belum bersedia untuk membuka pasarannya, ia tidak perlu mematuhi ITA.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah bertegas bahawa ia dapat menerima tempoh tahun 2000 itu tetapi "kami berpendapat perlu ada fleksibiliti dan ini telah tertulis dalam kenyataan itu".

Ditanya sama ada beliau telah berbincang mengenai ITA dengan Presiden Clinton semasa pertemuan mereka malam tadi, beliau berkata mereka tidak memberi tumpuan kepada isu itu.

Beliau menjelaskan: "Apa yang berlaku ialah draf semakan kenyataan diberikan kepada kami selepas majlis makan malam tadi dan menteri (Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz) kita telah membincangkan draf yang disemak semula itu.

"Rafidah sebenarnya bertanggungjawab menyemak perenggan berkenaan (mengenai ITA). Beliau membayangkan kepada saya bahawa kita boleh menerimanya dan oleh kerana itu saya tidak nampak keperluan membincangkan

perkara itu."

Beliau berkata sekiranya AS mahu mengurangkan tarifnya kepada sifar, Malaysia tidak mempunyai apa-apa halangan.

"Sesiapa yang mahu mengurangkan tarif mereka kepada sifar atau bawah dari sifar tidak menjadi hal kepada kita. Sekiranya Malaysia sudah bersedia, kita akan laksanakan," kata beliau.

Mengenai IAP, beliau berkata ia bergantung kepada negara-negara itu sendiri untuk membuat tawaran dan melakukan perkara tertentu yang menepati keperluan Apec.

Mengenai langkah-langkah membuka pasaran dan rejim pelaburan, beliau berkata Malaysia seringkali mengkaji semula insentif pelaburannya sejak 1986 dan sekarang terdapat banyak pelabur asing di negara itu.

Pembangunan ekonomi Malaysia telah menarik kemasukan kira-kira satu juta pekerja asing, secara haram atau sah, dan berikutan itu negara sedang mengalih kepada industri-industri berteknologi tinggi dan berintensif modal daripada berintensif buruh.-- BERNAMA

SHY OBA